



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1701

AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024

Tarikh Perkenan Diraja 24 Januari 2024

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 2 Februari 2024

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1701

AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024

Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 2016.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Syarikat (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan menggantikan takrif “pemunya benefisial” dengan takrif yang berikut:

‘ “pemunya benefisial” ertinya—

- (a) berhubung dengan syer, pemilik mutlak syer itu dan tidak termasuk penama bagi apa-apa perihalan; dan
- (b) berhubung dengan suatu syarikat, seseorang sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 60A;’.

Penggal baharu 8A

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 60 penggal yang berikut:

“Penggal 8A

Pemunyaan Benefisial

Pemunya benefisial syarikat

60A. (1) Seseorang ialah pemuna benefisial bagi suatu syarikat jika orang itu ialah orang sebenar yang mempunyai milikan mutlak atau yang mempunyai kawalan mutlak ke atas suatu syarikat dan termasuk seseorang yang mempunyai kawalan berkesan mutlak ke atas sesuatu syarikat.

(2) Pendaftar boleh mengeluarkan garis panduan bagi maksud mengenal pasti pemuna benefisial bagi suatu syarikat.

Daftar pemuna benefisial syarikat

60B. (1) Tiap-tiap syarikat hendaklah menyimpan suatu daftar pemuna benefisial syarikat itu dan merekodkan dalam daftar itu—

- (a) nama penuh, alamat, kewarganegaraan, pengenalan dan tempat kediaman biasa orang yang merupakan pemuna benefisial syarikat itu;
- (b) tarikh orang itu menjadi seorang pemuna benefisial syarikat itu;
- (c) tarikh orang itu terhenti daripada menjadi pemuna benefisial syarikat itu; dan
- (d) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(2) Daftar pemunya benefisial syarikat hendaklah disimpan di pejabat berdaftar syarikat itu atau mana-mana tempat lain di Malaysia sebagaimana yang diberitahu kepada Pendaftar.

(3) Syarikat hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu notis tentang apa-apa perubahan kepada butir-butir dalam daftar pemunya benefisial syarikat.

(4) Apa-apa notis yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) hendaklah diserah simpan dalam masa empat belas hari dari tarikh perubahan itu direkodkan dalam daftar pemunya benefisial syarikat itu.

(5) Syarikat hendaklah memegang simpan maklumat seseorang yang telah direkodkan dalam daftar pemunya benefisial syarikat itu sebagai pemunya benefisial tetapi kemudiannya terhenti menjadi pemunya benefisial syarikat itu selama tujuh tahun dari tarikh orang itu terhenti menjadi seorang pemunya benefisial.

(6) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi lima ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(7) Pendaftar hendaklah menentukan bentuk, cara dan takat maklumat yang perlu disimpan di bawah subseksyen (1) dan diserah simpan di bawah subseksyen (3).

(8) Daftar pemunya benefisial suatu syarikat hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bagi apa-apa perkara yang dimasukkan dalam daftar di bawah Akta ini.

(9) Menteri boleh, berhubung dengan akses kepada daftar pemunya benefisial syarikat yang disimpan di pejabat berdaftar sesuatu syarikat itu atau maklumat pemunyaan benefisial yang diserah simpan dengan Pendaftar, menetapkan—

(a) mana-mana orang atau golongan orang yang boleh mengakses daftar pemunya benefisial syarikat atau maklumat pemunyaan benefisial;

- (b) cara dan terma dan syarat bagi mengakses daftar pemunya benefisial syarikat atau maklumat pemunyaan benefisial; dan
- (c) fi bagi pembekalan maklumat pemunyaan benefisial.

(10) Dalam seksyen ini, “pengenalan” ertiinya, dalam hal mana-mana orang yang dikeluarkan dengan kad pengenalan di bawah Akta Pendaftaran Negara 1959, nombor kad pengenalan itu, dan dalam hal seseorang itu tidak dikeluarkan dengan kad pengenalan, butir-butir pasport atau keterangan pengenalan lain yang seumpama sebagaimana yang ada.

Kuasa syarikat untuk menghendaki penzahiran pemunya benefisial syarikat

60c. (1) Suatu syarikat hendaklah, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana anggota syarikat dalam apa-apa masa yang munasabah dan apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk memaklumkan syarikat sama ada anggota itu merupakan pemunya benefisial syarikat itu atau jika anggota itu bukan pemunya benefisial syarikat itu, setakat yang mungkin untuk berbuat demikian, untuk menunjukkan orang itu dengan nama dan dengan butir-butir lain yang mencukupi untuk membolehkan orang itu dikenal pasti sebagai pemunya benefisial syarikat itu; dan
- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 60B(1).

(2) Jika suatu syarikat mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang merupakan pemunya benefisial syarikat itu, syarikat itu hendaklah melalui notis secara bertulis, menghendaki orang itu dalam apa-apa masa yang munasabah dan apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk menyatakan sama ada orang itu merupakan pemunya benefisial syarikat itu atau jika orang itu bukan pemunya benefisial syarikat itu, untuk

menyatakan sama ada orang itu mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang lain merupakan pemunya benefisial syarikat itu dan untuk memberikan apa-apa butir-butir mengenai orang lain itu yang dalam pengetahuannya; dan

- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 60B(1).

(3) Jika suatu syarikat mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana anggota atau orang mengetahui identiti orang yang merupakan pemunya benefisial syarikat itu, syarikat itu hendaklah melalui notis secara bertulis menghendaki anggota atau orang itu dalam apa-apa masa yang munasabah dan apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk menyatakan bahawa sama ada orang itu mengetahui, atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang lain itu merupakan pemunya benefisial syarikat itu dan memberikan apa-apa butir-butir orang lain itu yang dalam pengetahuannya; dan

- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 60B(1).

(4) Apabila suatu syarikat menerima maklumat daripada seseorang yang kepadanya notis diberikan di bawah subseksyen (1), (2) atau (3), syarikat itu hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh maklumat itu diterima, merekodkan dalam daftar pemunya benefisial syarikat itu—

- (a) tarikh notis yang menghendaki maklumat itu telah dikeluarkan; dan

- (b) butir-butir maklumat yang diterima daripada orang itu.

(5) Jika suatu syarikat mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu perubahan telah berlaku terhadap butir-butir pemunya benefisial syarikat yang dinyatakan dalam daftar pemunya benefisial syarikat itu, syarikat hendaklah memberikan notis kepada pemunya benefisial syarikat itu—

- (a) untuk mengesahkan sama ada perubahan itu telah berlaku atau tidak; dan
- (b) jika perubahan itu telah berlaku—
 - (i) untuk menyatakan tarikh perubahan itu; dan
 - (ii) untuk memberikan butir-butir mengenai perubahan itu.

(6) Jika suatu syarikat mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa butir-butir pemunya benefisial syarikat yang dinyatakan dalam daftar pemunya benefisial syarikat mungkin tidak betul, syarikat itu hendaklah memberikan notis kepada pemunya benefisial syarikat itu untuk mengesahkan sama ada butir-butir itu adalah betul, dan jika tidak betul, untuk memberikan butir-butir yang betul.

(7) Syarikat dan tiap-tiap pegawai yang melanggar subseksyen (1), (2), (3), (4), (5) atau (6) melakukan suatu kesalahan.

(8) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana notis di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan melainkan jika orang itu membuktikan bahawa maklumat yang diperkatakan itu telah berada dalam milikan syarikat itu atau bahawa kehendak untuk memberikan maklumat itu adalah atas apa-apa sebab lain yang remeh atau menyusahkan.

(9) Mana-mana orang yang berupa mematuhi mana-mana notis di bawah seksyen ini membuat apa-apa pernyataan yang dia tahu adalah palsu atau dengan melulu membuat apa-apa pernyataan palsu melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan pemunya benefisial syarikat untuk memberikan maklumat

60D. (1) Seseorang yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dia merupakan pemunya benefisial suatu syarikat hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan—

(a) memberitahu syarikat itu bahawa dia merupakan pemunya benefisial syarikat itu; dan

(b) memberikan maklumat sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Seseorang yang merupakan pemuna benefisial suatu syarikat hendaklah memberitahu syarikat itu mengenai apa-apa perubahan butir-butirnya dalam daftar pemunya benefisial syarikat itu.

(3) Seseorang yang terhenti menjadi pemuna benefisial suatu syarikat hendaklah memberitahu syarikat itu, secepat yang dapat dilaksanakan, mengenai perubahan itu dengan menyatakan—

(a) tarikh pemberhentian itu berlaku; dan

(b) butir-butir pemberhentian itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Pengecualian daripada Penggal ini

60E. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan apa-apa kelas syarikat daripada pemakaian Penggal ini sama ada tidak bersyarat atau tertakluk pada apa-apa terma yang boleh dikenakan oleh Menteri, jika syarikat itu tertakluk pada apa-apa kehendak di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang serupa dengan Penggal ini.”.

Pindaan seksyen 68

4. Subseksyen 68(3) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (i), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (i) perenggan yang berikut:
 - “(ia) maklumat pemunyaan benefisial syarikat itu;
 - “(ib) alamat yang daftar pemunyaan benefisial syarikat itu disimpan sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 60B(2), jika tidak disimpan di pejabat berdaftarnya; dan”.

Pindaan seksyen 152

5. Subseksyen 152(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “mana-mana tawaran terkecuali atau pelawaan terkecuali” dengan perkataan “mana-mana tawaran terkecuali, pelawaan terkecuali atau terbitan terkecuali”.

Pindaan seksyen 258

6. Seksyen 258 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Berhubung dengan syarikat persendirian, Pendaftar boleh, sebagaimana yang difikirkannya patut, melanjutkan tempoh yang dalam tempoh itu penyata kewangan dan laporan dikehendaki untuk diedarkan oleh syarikat persendirian jika syarikat persendirian itu membuat suatu permohonan bagi pelanjutan tempoh pengedaran sebelum habis tempoh yang disebut dalam perenggan (1)(a).”.

Pindaan seksyen 264

7. Seksyen 264 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(4A) Walau apa pun perenggan (4)(b), tiada pekongsi firma boleh dihilangkan kelayakan oleh sebab pasangannya menjadi seorang pegawai syarikat itu, jika sebab itu tidak menjelaskan kebebasan juruaudit dan firma juruaudit.

(4B) Pendaftar boleh mengeluarkan garis panduan bagi maksud menentukan kebebasan juruaudit dan firma juruaudit.”.

Pindaan seksyen 365

8. Seksyen 365 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas takrif “syarikat” takrif yang berikut:

‘“syarikat berkaitan” ertinya suatu syarikat yang merupakan syarikat subsidiari, syarikat pemegangan atau syarikat pemegangan muktamad, bagi suatu syarikat subjek;

“syarikat subjek” ertinya suatu syarikat yang telah membuat permohonan di bawah subseksyen 368(1);’.

Pindaan seksyen 366

9. Seksyen 366 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Mahkamah boleh memerintahkan suatu mesyuarat dipanggil secara terus mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah atas suatu permohonan kepada Mahkamah bagi kelulusan kompromi atau perkiraan oleh—

(a) syarikat;

(b) pemiutang atau kelas pemiutang syarikat;

- (c) anggota atau kelas anggota syarikat;
 - (d) penyelesai, jika syarikat digulung; atau
 - (e) pengurus kehakiman, jika syarikat di bawah pengurusan kehakiman.”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:
- “(2A) Semua mesyuarat yang diadakan menurut suatu perintah Mahkamah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dipengerusikan oleh seseorang yang merupakan—
- (a) pengamal insolvensi yang dilantik di bawah subseksyen 367(3); atau
 - (b) seseorang yang dipilih oleh majoriti dalam nilai pembiutang atau kelas pembiutang atau anggota atau kelas anggota, jika tiada pengamal insolvensi dilantik di bawah subseksyen 367(3).”.

Penggantian seksyen 367

10. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 367 dengan seksyen yang berikut:

“Kuasa Mahkamah untuk melantik pengamal insolvensi

367. (1) Mahkamah boleh, atas suatu permohonan bagi kelulusan suatu kompromi atau perkiraan di bawah seksyen 366, melantik seorang pengamal insolvensi untuk menilai kebolehlaksanaan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu.

(2) Pengamal insolvensi yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah menyediakan suatu laporan mengenai kebolehlaksanaan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan dan hendaklah membentangkan laporan itu dalam mesyuarat pembiutang atau anggota yang diadakan di bawah seksyen 366.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), Mahkamah hendaklah melantik seorang pengamal insolvensi bagi syarikat itu apabila—

- (a) syarikat itu membuat suatu permohonan di bawah seksyen 368B, 368D atau 369C; atau
- (b) syarikat berkaitan bagi syarikat itu membuat suatu permohonan di bawah seksyen 368A.

(4) Pengamal insolvensi yang dilantik di bawah seksyen ini—

- (a) hendaklah mempunyai hak untuk mengakses semua rekod syarikat pada setiap masa yang munasabah; dan
- (b) berhak untuk menghendaki daripada mana-mana pegawai syarikat apa-apa maklumat dan penjelasan sebagaimana yang dikehendakinya bagi maksud kewajipannya.

(5) Jika seorang pengamal insolvensi dilantik di bawah subseksyen (3), pengamal insolvensi itu hendaklah menyediakan dan mengemukakan suatu laporan mengenai kemajuan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan kepada Mahkamah mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah sebelum kompromi atau perkiraan itu diluluskan menurut subseksyen 366(4).

(6) Pengamal insolvensi yang dilantik di bawah seksyen ini berhak untuk menerima saraan—

- (a) sebagaimana yang dipersetujui antara syarikat dengan pengamal insolvensi itu; atau
- (b) jika tiada persetujuan antara syarikat dengan pengamal insolvensi, sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau (3).

(7) Dalam membuat perintah di bawah perenggan (6)(b), Mahkamah boleh menyatakan orang yang olehnya saraan pengamal insolvensi itu hendaklah dibayar.”.

Pindaan seksyen 368

11. Seksyen 368 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika tiada perintah telah dibuat atau tiada ketetapan telah diluluskan bagi penggulungan suatu syarikat dan suatu kompromi atau perkiraan telah dicadangkan antara syarikat dengan pemutangnya atau mana-mana kelas pemutang itu, Mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada mana-mana kuasanya, atas suatu permohonan secara terus oleh syarikat itu atau mana-mana anggota atau pemutang syarikat itu, memberikan suatu perintah halangan bagi suatu tempoh tidak lebih daripada tiga bulan dari tarikh perintah halangan itu diberikan.”;

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Apabila suatu permohonan bagi perintah halangan difailkan di bawah subseksyen (1) dan sehingga permohonan itu diputuskan oleh Mahkamah atau sehingga luput dua bulan dari tarikh pemfailan permohonan itu, mengikut mana-mana yang lebih awal—

- (a) tiada perintah boleh dibuat, dan tiada ketetapan boleh diluluskan, bagi penggulungan syarikat itu;
- (b) tiada penerima atau penerima dan pengurus boleh dilantik ke atas mana-mana pengusahaan atau harta syarikat itu;
- (c) tiada prosiding boleh dimulakan atau diteruskan terhadap syarikat itu selain prosiding di bawah seksyen 366, 368C, 368D, 369A atau 370 kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;

- (d) tiada pelaksanaan, distres atau proses undang-undang lain boleh dimulakan, diteruskan atau dikenakan terhadap apa-apa harta syarikat itu kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;
 - (e) tiada langkah-langkah boleh diambil untuk menguatkuasakan apa-apa cagaran ke atas apa-apa harta syarikat itu, atau untuk memiliki semula apa-apa barang yang dipegang oleh syarikat itu di bawah apa-apa perjanjian pemajakan catel, perjanjian sewa beli atau perjanjian pemegangan hakmilik, kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah; dan
 - (f) tiada hak kemasukan semula atau pelucuthakan di bawah apa-apa pajakan berkenaan dengan mana-mana premis yang diduduki oleh syarikat itu boleh dikuatkuasakan kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.”;
- (c) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Mahkamah boleh memberikan suatu perintah halangan di bawah subseksyen (1) kepada sesuatu syarikat selama tempoh tidak lebih daripada tiga bulan dan Mahkamah boleh atas permohonan syarikat itu, melanjutkan tempoh ini selama tidak lebih daripada sembilan bulan jika” dengan perkataan “Tertakluk pada apa-apa terma yang dikenakan oleh Mahkamah, Mahkamah boleh memberikan suatu pelanjutan tempoh tidak lebih daripada sembilan bulan kepada tempoh perintah halangan yang disebut dalam subseksyen (1) kepada suatu syarikat jika”; dan

- (d) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(3A) Suatu perintah halangan yang diberikan di bawah subseksyen (1) dan suatu pelanjutan tempoh perintah halangan yang diberikan di bawah subseksyen (2) boleh termasuk satu atau lebih perintah yang berikut:

- (a) tiada perintah boleh dibuat, dan tiada ketetapan boleh diluluskan, bagi penggulungan syarikat itu;
- (b) tiada penerima atau penerima dan pengurus boleh dilantik ke atas mana-mana pengusahaan atau harta syarikat itu;
- (c) tiada prosiding boleh dimulakan atau diteruskan terhadap syarikat itu selain prosiding di bawah seksyen ini, seksyen 366, 368C, 368D, 369A atau 370 kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;
- (d) tiada pelaksanaan, distres atau proses undang-undang lain boleh dimulakan, diteruskan atau dikenakan terhadap apa-apa harta syarikat itu kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;
- (e) tiada langkah-langkah boleh diambil untuk menguatkuasakan apa-apa cagaran ke atas apa-apa harta syarikat itu, atau untuk memiliki semula apa-apa barang yang dipegang oleh syarikat itu di bawah apa-apa perjanjian pemajakan catel, perjanjian sewa beli atau perjanjian pemegangan hakmilik, kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;

(f) tiada hak kemasukan semula atau pelucutahan di bawah apa-apa pajakan berkenaan dengan mana-mana premis yang diduduki oleh syarikat itu boleh dikuatkuasakan kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.

(3B) Tiada perintah halangan di bawah seksyen ini boleh diberikan kepada suatu syarikat jika suatu perintah telah diberikan kepada syarikat itu di bawah subseksyen (1), seksyen 368B, 368D atau 369C, atau syarikat berkaitannya di bawah seksyen 368A, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam tempoh dua belas bulan sebelumnya.”.

Seksyen baharu 368A, 368B, 368C dan 368D

12. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 368 seksyen yang berikut:

“Kuasa Mahkamah untuk menghalang prosiding, dsb., terhadap syarikat berkaitan

368A. (1) Jika Mahkamah telah memberikan suatu perintah halangan di bawah subseksyen 368(1) atau pelanjutan tempoh perintah itu di bawah subseksyen 368(2) berhubung dengan syarikat subjek, Mahkamah boleh, atas permohonan syarikat berkaitan, memberikan perintah halangan selama tempoh tidak lebih daripada tempoh perintah itu diberikan kepada syarikat subjek.

(2) Apabila syarikat berkaitan membuat suatu permohonan di bawah subseksyen (1), syarikat berkaitan itu hendaklah—

- (a) menyiarkan suatu notis tentang permohonan itu mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar; dan
- (b) melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, menghantar suatu notis tentang permohonan itu kepada setiap pembiutang syarikat berkaitan itu yang mungkin terjejas dengan perintah halangan yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(3) Mahkamah boleh memberikan suatu perintah halangan kepada syarikat berkaitan jika Mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) tiada perintah telah dibuat, dan tiada ketetapan telah diluluskan, bagi penggulungan syarikat berkaitan itu;
- (b) perintah halangan yang diberikan kepada syarikat subjek di bawah subseksyen 368(1) atau (2) masih berkuat kuasa;
- (c) syarikat berkaitan memainkan peranan perlu dan penting dalam kompromi atau perkiraan syarikat subjek;
- (d) kompromi atau perkiraan yang disebut dalam perenggan (c) akan terkecewa jika satu atau lebih tindakan yang boleh dihalang oleh perintah halangan itu diambil terhadap syarikat berkaitan; dan
- (e) pemutang syarikat berkaitan tidak akan dimudaratkan secara tidak adil jika suatu perintah halangan diberikan.

(4) Suatu perintah halangan yang diberikan di bawah subseksyen (1) boleh termasuk satu atau lebih perintah yang berikut:

- (a) tiada perintah boleh dibuat, dan tiada ketetapan boleh diluluskan, bagi penggulungan syarikat berkaitan;
- (b) tiada penerima atau penerima dan pengurus boleh dilantik ke atas mana-mana pengusahaan atau harta syarikat berkaitan;
- (c) tiada prosiding boleh dimulakan atau diteruskan terhadap syarikat berkaitan selain prosiding di bawah seksyen ini, seksyen 366, 368C, 368D, 369A atau 370, kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;

- (d) tiada pelaksanaan, distres atau proses undang-undang lain boleh dimulakan, diteruskan atau dikenakan terhadap apa-apa harta syarikat berkaitan, kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;
 - (e) tiada langkah-langkah boleh diambil untuk menguatkuasakan apa-apa cagaran ke atas apa-apa harta syarikat berkaitan, atau untuk memiliki semula apa-apa barang yang dipegang oleh syarikat berkaitan itu di bawah apa-apa perjanjian pemajakan catel, perjanjian sewa beli atau perjanjian pemegangan hakmilik, kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah;
 - (f) tiada hak kemasukan semula atau pelucuthakan di bawah apa-apa pajakan berkenaan dengan mana-mana premis yang diduduki oleh syarikat berkaitan boleh dikuatkuasakan kecuali dengan keizinan Mahkamah dan tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.
- (5) Mahkamah boleh, atas permohonan oleh syarikat berkaitan, memberikan suatu perintah untuk melanjutkan tempoh perintah yang diberikan di bawah subseksyen (1) selama tempoh tidak lebih daripada tempoh perintah halangan yang diberikan kepada syarikat subjek di bawah seksyen 368.
- (6) Syarikat berkaitan, mana-mana pemutang syarikat berkaitan itu atau mana-mana penerima dan pengurus keseluruhan atau sebahagian besar daripada keseluruhan, pengusahaan atau harta syarikat berkaitan itu, boleh memohon kepada Mahkamah bagi suatu perintah untuk melepaskan atau mengubah mana-mana perintah halangan yang diberikan di bawah subseksyen (1).
- (7) Syarikat berkaitan hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas tarikh suatu perintah diberikan di bawah subseksyen (1), (5) atau (6), menyerah simpan suatu salinan pejabat perintah itu dengan Pendaftar.

Keutamaan paling tinggi bagi pembiayaan penyelamat bagi kompromi atau perkiraan

368B. (1) Jika suatu syarikat telah membuat suatu permohonan di bawah subseksyen 366(1) atau subseksyen 368(1), Mahkamah boleh, atas suatu permohonan oleh syarikat itu di bawah seksyen ini, memberikan satu atau lebih perintah yang berikut:

- (a) suatu perintah bahawa jika syarikat itu digulungkan, walau apa pun subseksyen 527(1), hutang yang berbangkit daripada apa-apa pembiayaan penyelamat yang diperoleh oleh syarikat itu hendaklah dibayar sebaik selepas kos dan perbelanjaan penggulungan syarikat yang disebut dalam perenggan 527(1)(a) dibayar;
- (b) suatu perintah untuk menjamin hutang yang berbangkit daripada mana-mana pembiayaan penyelamat yang selainnya tidak berupaya diperoleh oleh syarikat itu melainkan jika hutang itu dijamin dengan—
 - (i) suatu kepentingan cagaran atas harta syarikat yang tidak tertakluk pada apa-apa kepentingan cagaran; atau
 - (ii) suatu kepentingan cagaran lebih rendah atas harta syarikat yang tertakluk pada kepentingan cagaran yang sedia ada;
- (c) suatu perintah untuk menjamin hutang yang berbangkit daripada mana-mana pembiayaan penyelamat yang akan diperoleh oleh syarikat itu dengan suatu kepentingan cagaran yang mempunyai keutamaan yang sama dengan atau keutamaan yang lebih tinggi daripada kepentingan cagaran yang sedia ada atas harta syarikat itu, jika—
 - (i) syarikat itu tidak berupaya untuk memperoleh pembiayaan penyelamat daripada mana-mana orang melainkan jika hutang yang berbangkit daripada pembiayaan penyelamat itu dijamin mengikut cara yang disebut dalam perenggan ini; dan
 - (ii) kepentingan pemegang kepentingan cagaran yang sedia ada dilindungi secukupnya.

(2) Suatu syarikat yang membuat permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, menghantar suatu notis tentang permohonan itu kepada setiap pemutang syarikat itu.

(3) Pengakasan atau ubah suaian disebabkan rayuan kepada perintah di bawah perenggan (1)(b) atau (c) tidak menjelaskan kesahan apa-apa hutang yang ditanggung, atau apa-apa kepentingan cagaran yang telah diberikan menurut perintah itu, atau keutamaan kepentingan cagaran itu, jika hutang yang berbangkit daripada pembiayaan penyelamat yang dihasratkan untuk dijamin oleh kepentingan cagaran itu telah diberikan dengan suci hati, sama ada dengan pengetahuan tentang rayuan itu atau tidak, melainkan jika perintah itu telah digantung sementara menunggu rayuan sebelum pembiayaan penyelamat diberikan.

(4) Bagi maksud subperenggan (1)(c)(ii), kepentingan pemegang kepentingan cagaran yang sedia ada dilindungi secukupnya jika—

- (a) Mahkamah memerintahkan supaya syarikat membuat satu atau lebih pembayaran tunai kepada pemegang itu, yang jumlah keseluruhan amanya mencukupi untuk membayar pampasan kepada pemegang itu bagi apa-apa pengurangan nilai kepentingan cagaran yang sedia ada pemegang itu yang boleh berlaku akibat daripada perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(c);
- (b) Mahkamah memerintahkan supaya syarikat memberikan kepada pemegang itu cagaran tambahan atau gantian dengan suatu nilai yang mencukupi untuk membayar pampasan kepada pemegang itu bagi apa-apa pengurangan nilai kepentingan cagaran yang sedia ada pemegang itu yang boleh berlaku akibat daripada perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(c); atau
- (c) Mahkamah memberikan apa-apa relif, selain pampasan, yang akan mengakibatkan penghasilan oleh pemegang itu kepentingan cagaran yang tidak diragui setara dengan kepentingan cagaran yang sedia ada pemegang itu.

(5) Jika syarikat yang mempunyai dua atau lebih hutang dengan keutamaan paling tinggi digulungkan, hutang dengan keutamaan paling tinggi—

- (a) mempunyai keutamaan yang sama kedudukan antara semua hutang dengan keutamaan paling tinggi itu; dan
- (b) hendaklah dibayar sepenuhnya atau, jika syarikat itu tidak mempunyai harta yang mencukupi untuk menyelesaikan hutang itu, hendaklah berada pada kedudukan *pari passu* dan hendaklah dibayar mengikut kadar yang sama antara semua hutang dengan keutamaan paling tinggi itu.

(6) Seksyen 426 dan 528 tidak menjelaskan apa-apa keutamaan yang diberikan, apa-apa kepentingan cagaran atau relif yang diberikan, atau apa-apa pembayaran yang dibuat, menurut dan mengikut perintah yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(7) Suatu syarikat hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas tarikh suatu perintah diberikan di bawah subseksyen (1), menyerah simpan salinan pejabat perintah itu kepada Pendaftar.

(8) Dalam seksyen ini—

- (a) “pembentangan penyelamat” ertinya apa-apa pembentangan yang memenuhi satu atau lebih syarat yang berikut:
 - (i) pembentangan itu diperlukan untuk penerusan syarikat yang memperoleh pembentangan atau keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada pengusahaan syarikat itu sebagai suatu usaha berterusan;
 - (ii) pembentangan itu diperlukan untuk kelulusan Mahkamah di bawah subseksyen 366(4) atau subseksyen 369c(5) bagi suatu kompromi atau perkiraan yang disebut dalam subseksyen 366(1) atau subseksyen 369c(1), mengikut mana-mana yang berkenaan, yang melibatkan syarikat yang memperoleh pembentangan itu;

- (iii) pemberian itu diperlukan untuk mencapai penghasilan aset yang lebih menguntungkan bagi syarikat yang memperoleh pemberian itu, berbanding dengan penggulungan syarikat itu;
- (b) “kepentingan cagaran” ertiannya apa-apa gadai janji, gadaian, sandaran, lien atau jenis kepentingan cagaran lain yang diiktiraf oleh undang-undang;
- (c) “hutang dengan keutamaan paling tinggi” ertiannya suatu hutang, yang berbangkit daripada apa-apa pemberian penyelamat yang diperoleh atau yang akan diperoleh oleh suatu syarikat, yang mempunyai keutamaan, menurut susunan di bawah subseksyen (1), ke atas semua hutang keutamaan yang dinyatakan dalam perenggan 527(1)(b) hingga (f) dan semua hutang tidak bercagar lain, jika syarikat itu digulungkan.

Halangan pelupusan harta, dsb., dalam tempoh perintah halangan

368c. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan yang dibuat oleh mana-mana pembiayaan suatu syarikat subjek atau syarikat berkaitan pada bila-bila masa semasa perintah halangan diberikan di bawah seksyen 368 atau 368A berkuat kuasa, memberikan satu atau lebih perintah yang berikut:

- (a) suatu perintah yang menghalang pelupusan harta syarikat subjek atau syarikat berkaitan selain dalam perjalanan biasa perniagaannya;
 - (b) suatu perintah yang menghalang pemindahan apa-apa syarikat subjek atau syarikat berkaitan;
 - (c) suatu perintah yang menghalang pengubahan hak mana-mana anggota syarikat subjek atau syarikat berkaitan.
- (2) Tempoh perintah yang diberikan di bawah seksyen ini tidak boleh melebihi tarikh habis tempoh perintah halangan yang diberikan di bawah seksyen 368 atau 368A.

Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan persetujuan

368d. (1) Seksyen ini terpakai jika—

- (a) suatu kompromi atau perkiraan antara suatu syarikat dengan pembiutangnya atau mana-mana kelas pembiutang telah diundi dalam suatu mesyuarat berkaitan;
- (b) pembiutang yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan diletakkan dalam dua atau lebih kelas pembiutang bagi maksud mengundi kompromi atau perkiraan dalam suatu mesyuarat berkaitan;
- (c) syarat dalam subseksyen 366(3), setakat yang terpakai, dipenuhi dalam mesyuarat berkaitan berkenaan dengan sekurang-kurangnya satu kelas pembiutang; dan
- (d) syarat dalam subseksyen 366(3), setakat yang terpakai, tidak dipenuhi dalam mesyuarat berkaitan berkenaan dengan sekurang-kurangnya satu kelas pembiutang, setiap satunya dinamakan sebagai kelas yang menentang dalam seksyen ini.

(2) Walau apa pun subseksyen 366(1) dan (3), Mahkamah boleh, tertakluk pada seksyen ini dan atas permohonan oleh syarikat, atau oleh pembiutang syarikat yang telah memperoleh keizinan Mahkamah untuk membuat permohonan di bawah subseksyen ini, meluluskan kompromi atau perkiraan, dan memerintahkan supaya syarikat dan semua kelas pembiutang yang berkenaan hendaklah terikat dengan kompromi atau perkiraan itu.

(3) Mahkamah boleh membuat suatu perintah di bawah subseksyen (2) jika—

- (a) suatu majoriti sebanyak tujuh puluh lima peratus daripada jumlah keseluruhan nilai pembiutang atau kelas pembiutang atau anggota atau kelas anggota yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan itu, dan yang hadir dan mengundi sama ada dengan sendiri atau melalui proksi dalam mesyuarat berkaitan, telah bersetuju dengan kompromi atau perkiraan itu; dan

- (b) Mahkamah berpuas hati bahawa kompromi atau perkiraan itu tidak akan mendiskriminasi secara tidak adil antara dua atau lebih kelas pembiutang dan adalah adil dan saksama kepada setiap kelas yang menentang.
- (4) Bagi maksud perenggan (3)(b), suatu kompromi atau perkiraan adalah adil dan saksama terhadap kelas yang menentang jika syarat yang berikut dipenuhi:
- (a) tiada pembiutang dalam kelas yang menentang itu menerima, di bawah terma kompromi atau perkiraan itu, suatu amaun yang lebih rendah daripada amaun yang akan diterima oleh pembiutang sebagaimana yang dianggarkan oleh Mahkamah dalam keadaan yang paling mungkin jika kompromi atau perkiraan itu tidak mengikat syarikat dan semua kelas pembiutang berkenaan yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan itu; dan
- (b) salah satu yang berikut terpakai:
- (i) jika pembiutang dalam kelas yang menentang adalah pembiutang bercagar, terma kompromi atau perkiraan itu—
- (A) hendaklah memperuntukkan bagi setiap pembiutang dalam kelas yang menentang untuk menerima pembayaran tunai yang tertangguh yang menjumlahkan amaun tuntutan pembiutang yang dijamin dengan cagaran yang dipegang oleh pembiutang, dan memelihara cagaran itu dan takat tuntutan itu, sama ada atau tidak harta yang tertakluk pada cagaran itu akan dipegang simpan oleh syarikat atau dipindahkan kepada entiti yang lain di bawah terma kompromi atau perkiraan itu;

- (B) hendaklah memperuntukkan bahawa jika cagaran yang dipegang oleh mana-mana pemutang dalam kelas yang menentang untuk menjamin tuntutan pemutang yang akan dihasilkan oleh syarikat bebas daripada bebanan, pemutang mempunyai gadaian ke atas hasil daripada penghasilan itu untuk menyelesaikan tuntutan pemutang yang dijamin oleh cagaran itu; atau
- (C) hendaklah memperuntukkan bahawa setiap pemutang dalam kelas yang menentang berhak untuk menghasilkan nilai yang tidak diragui setara dengan cagaran yang dipegang oleh pemutang bagi tujuan menyelesaikan tuntutan pemutang yang dijamin oleh cagaran itu; atau
- (ii) jika pemutang dalam kelas yang menentang adalah pemutang tidak bercagar, termasuk kompromi atau perkiraan itu—
- (A) hendaklah memperuntukkan bagi setiap pemutang dalam kelas itu untuk menerima harta yang mempunyai nilai yang sama dengan amaun tuntutan pemutang; atau
- (B) hendaklah tidak memperuntukkan bagi mana-mana pemutang dengan tuntutan yang lebih rendah daripada tuntutan pemutang dalam kelas yang menentang, atau mana-mana anggota, untuk menerima atau memegang simpan apa-apa harta bagi tuntutan lebih rendah atau kepentingan anggota.

(5) Mahkamah boleh menghendaki pengamat insolvensi yang dilantik di bawah subseksyen 367(3) untuk membantu Mahkamah dalam menganggarkan amaun yang dijangka akan diterima oleh pembiutang dalam keadaan yang paling mungkin jika kompromi atau perkiraan itu tidak mengikat syarikat dan semua kelas pembiutang yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan itu.

(6) Dalam seksyen ini, “mesyuarat berkaitan” ertinya—

- (a) jika kompromi atau perkiraan yang diperkatakan itu tertakluk pada undian semula di bawah subseksyen 369A(1), mesyuarat yang diadakan bagi maksud itu; atau
- (b) mesyuarat yang diperintahkan oleh Mahkamah di bawah subseksyen 366(1) atau, jika mesyuarat itu ditangguhkan di bawah subseksyen 366(2), mesyuarat yang ditangguhkan itu.”.

Seksyen baharu 369A, 369B, 369C dan 369D

13. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 369 seksyen yang berikut:

“Kuasa Mahkamah untuk memerintahkan undian semula

369A. (1) Semasa pendengaran permohonan untuk kelulusan Mahkamah bagi suatu kompromi atau perkiraan di bawah subseksyen 366(4), Mahkamah boleh memerintahkan syarikat untuk mengadakan mesyuarat pembiutang atau kelas pembiutang yang lain bagi maksud undian semula kompromi atau perkiraan itu tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

(2) Suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh memperuntukkan satu atau lebih perkara yang berikut:

- (a) cara untuk memanggil dan mengadakan mesyuarat;
- (b) pengelasan mana-mana pembiutang bagi maksud mengundi dalam mesyuarat selanjutnya;

- (c) amaun hutang mana-mana pembiutang yang akan diterima masuk bagi maksud mengundi dalam mesyuarat selanjutnya;
- (d) wajaran yang diletakkan pada undian mana-mana pembiutang dalam mesyuarat selanjutnya.

(3) Mesyuarat yang diadakan menurut suatu perintah Mahkamah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dipengerusikan oleh seseorang yang merupakan—

- (a) pengamal insolvensi yang dilantik di bawah subseksyen 367(3); atau
- (b) seseorang yang dipilih oleh majoriti dalam nilai pembiutang atau kelas pembiutang atau anggota atau kelas anggota, jika tiada pengamal insolvensi dilantik di bawah subseksyen 367(3).

Pemfailan, pemeriksaan dan penghukuman bukti hutang

369B. (1) Jika Mahkamah memerintahkan suatu mesyuarat di bawah subseksyen 366(1) dipanggil, syarikat hendaklah menyatakan dalam tiap-tiap notis yang disebut dalam subseksyen 369(1) yang memanggil mesyuarat itu—

- (a) cara pembiutang memfailkan bukti hutang dengan syarikat; dan
- (b) tempoh yang bukti itu perlu difailkan.

(2) Jika pembiutang tidak memfailkan bukti hutang pembiutang mengikut cara dan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis yang memanggil mesyuarat, pembiutang itu tidak dibenarkan untuk mengundi, sama ada secara sendiri atau melalui proksi, dalam mesyuarat itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Mahkamah boleh, atas permohonan yang dibuat oleh syarikat atau pembiutang, memberikan suatu perintah melanjutkan tempoh yang dinyatakan dalam notis memanggil mesyuarat yang dalam tempoh itu bukti hutang perlu difailkan.

(4) Setelah diberikan suatu perintah di bawah subseksyen (3), syarikat hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan, menghantar notis tentang perintah itu kepada setiap pemiutang yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan itu.

(5) Tiap-tiap bukti hutang yang difailkan di bawah seksyen ini hendaklah diadjudikasi oleh pengerusi mesyuarat yang diadakan di bawah subseksyen 366(1).

(6) Pemiutang yang telah memfailkan bukti hutang berhak untuk memeriksa keseluruhan atau mana-mana bahagian bukti hutang yang difailkan oleh mana-mana pemiutang lain, kecuali bahagian bukti pemiutang lain yang mengandungi maklumat yang tertakluk pada apa-apa obligasi mengenai kerahsiaan, atau apa-apa sekatan lain atas penzahiran maklumat, yang dikenakan oleh mana-mana undang-undang bertulis, kontrak atau kaedah kelakuan profesional, atau oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(7) Pengerusi hendaklah memaklumkan setiap pemiutang yang telah memfailkan bukti hutang mengenai keputusan adjudikasi bukti hutang yang difailkan oleh semua pemiutang dalam apa-apa tempoh dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

(8) Pemiutang yang telah memfailkan bukti hutang boleh membantah satu atau lebih perkara yang berikut:

- (a) penolakan oleh pengerusi bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian bukti hutang pemiutang;
- (b) penerimaan oleh pengerusi bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian bukti hutang yang difailkan oleh pemiutang yang lain;
- (c) permintaan oleh pemiutang yang lain untuk memeriksa keseluruhan atau mana-mana bahagian bukti hutang pemiutang.

(9) Apa-apa pertikaian antara pengerusi dengan syarikat, antara pengerusi dengan satu atau lebih pemutang berhubung dengan penolakan bukti hutang, atau antara dua atau lebih pemutang berhubung dengan pemeriksaan atau penerimaan bukti hutang, boleh diadjudikasi oleh seorang penilai bebas yang dilantik—

- (a) dengan persetujuan semua pihak kepada pertikaian itu; atau
- (b) jika tiada persetujuan sedemikian, oleh Mahkamah atas permohonan—
 - (i) mana-mana pihak kepada pertikaian itu; atau
 - (ii) syarikat, sama ada pihak kepada pertikaian itu atau tidak.

(10) Penilai bebas yang dilantik di bawah subseksyen (9) berhak untuk menerima saraan yang hendaklah ditentukan—

- (a) dengan persetujuan semua pihak kepada pertikaian yang akan diadjudikasi oleh penilai bebas, jika penilai bebas dilantik dengan persetujuan pihak-pihak itu; atau
- (b) oleh Mahkamah, jika penilai bebas dilantik oleh Mahkamah.

(11) Jika pemutang, syarikat atau pengerusi tidak bersetuju dengan mana-mana keputusan penilai bebas mengenai adjudikasi di bawah subseksyen (9) berhubung dengan pemeriksaan, penerimaan atau penolakan bukti hutang, pemutang, syarikat atau pengerusi itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh memfailkan notis pertentangan itu dengan menyatakan alasan tidak bersetuju mengenai keputusan itu kepada Mahkamah mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar tidak kurang daripada tujuh hari sebelum pendengaran permohonan di bawah subseksyen 366(4).

(12) Orang yang memfailkan notis pertentangan itu hendaklah menghantar suatu salinan notis yang difailkan di bawah subseksyen (11) kepada—

- (a) syarikat itu, melainkan jika notis itu difailkan oleh syarikat itu; dan
- (b) mana-mana pemiutang yang telah memfailkan bukti hutang dengan syarikat bagi maksud mengundi dalam mesyuarat yang diadakan di bawah subseksyen 366(1), atas permintaan pemiutang itu.

(13) Dalam menentukan sama ada suatu kelulusan hendaklah diberikan atau tidak di bawah subseksyen 366(4), Mahkamah hendaklah mengambil kira apa-apa notis pertentangan yang difailkan di bawah subseksyen (11).

Kuasa Mahkamah untuk meluluskan kompromi atau perkiraan tanpa mesyuarat pemiutang

369c. (1) Jika suatu kompromi atau perkiraan yang dicadangkan antara syarikat dengan pemiutangnya atau mana-mana kelas pemiutang itu, Mahkamah boleh, atas permohonan yang dibuat oleh syarikat, memberikan suatu perintah yang meluluskan kompromi atau perkiraan itu tanpa apa-apa mesyuarat pemiutang atau kelas pemiutang.

(2) Jika kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu diluluskan melalui perintah Mahkamah di bawah subseksyen (1), kompromi atau perkiraan yang diluluskan itu mengikat syarikat dan pemiutang atau kelas pemiutang yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan itu.

(3) Mahkamah tidak boleh meluluskan suatu kompromi atau perkiraan di bawah subseksyen (1) melainkan jika—

- (a) syarikat itu telah memberi setiap pemiutang yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu suatu pernyataan yang mematuhi subseksyen (6) dan mengandungi maklumat yang berikut:
 - (i) maklumat berkenaan harta, aset, aktiviti perniagaan, keadaan kewangan dan prospek syarikat;

(ii) maklumat tentang cara terma kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu akan, jika terma itu berkuat kuasa, menjelaskan hak pemutang;

(iii) apa-apa maklumat lain yang perlu untuk membolehkan pemutang membuat suatu keputusan termaklum mengenai kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu;

(b) syarikat itu telah menyiaran suatu notis tentang permohonan di bawah subseksyen (1) mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar;

(c) syarikat itu telah menghantar suatu notis dan salinan permohonan di bawah subseksyen (1) kepada setiap pemutang yang sepatutnya terikat dengan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu; dan

(d) Mahkamah berpuas hati bahawa sekiranya suatu mesyuarat pemutang atau kelas pemutang dipanggil, syarat dalam subseksyen 366(3) akan dipenuhi.

(4) Walau apa pun perenggan (3)(c), syarikat boleh, jika diarahkan oleh Mahkamah, memberikan notis tentang permohonan di bawah subseksyen (1) kepada pemutang atau kelas pemutang mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

(5) Mahkamah boleh memberikan kelulusannya bagi suatu kompromi atau perkiraan yang dicadangkan tertakluk pada apa-apa perubahan atau syarat sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah.

(6) Pernyataan yang disebut dalam perenggan (3)(a) hendaklah—

(a) menjelaskan kesan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu dan, khususnya, menyatakan—

(i) apa-apa kepentingan material pengarah syarikat, sama ada sebagai pengarah atau anggota atau pemutang syarikat atau selainnya; dan

- (ii) kesan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu terhadap kepentingan itu, setakat yang kesan itu berlainan daripada kesan kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu terhadap kepentingan orang lain yang serupa; dan
- (b) jika kompromi atau perkiraan yang dicadangkan itu menjaskan hak pemegang debentur, mengandungi penjelasan yang serupa sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan (a) berkenaan dengan pemegang amanah bagi pemegang debentur.
- (7) Setiap pengarah syarikat dan setiap pemegang amanah bagi pemegang debentur hendaklah memberikan notis kepada syarikat mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan pengarah atau pemegang amanah bagi pemegang debentur itu sebagaimana yang perlu bagi maksud subseksyen (6) dalam masa tujuh hari selepas pengarah atau pemegang amanah bagi pemegang debentur itu menerima permintaan secara bertulis daripada syarikat bagi maklumat mengenai perkara itu.
- (8) Mana-mana pengarah syarikat atau pemegang amanah bagi pemegang debentur yang melanggar subseksyen (7) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya.
- (9) Seseorang, yang merupakan pengarah syarikat atau pemegang amanah bagi pemegang debentur, tidak melakukan kesalahan di bawah subseksyen (8) jika orang itu menunjukkan bahawa pelanggaran subseksyen (7) oleh orang itu disebabkan penolakan oleh pengarah syarikat yang lain atau pemegang amanah bagi pemegang debentur yang lain untuk memberi orang itu butir-butir mengenai kepentingan material orang itu yang terjejas disebabkan oleh kompromi atau perkiraan itu.
- (10) Melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1)—
- (a) tidak mempunyai kesan sehingga suatu salinan pejabat perintah itu diserah simpan dengan Pendaftar; dan

- (b) setelah diserah simpan, perintah itu hendaklah mempunyai kesan pada dan dari tarikh penyerahsimpanan itu atau apa-apa tarikh yang lebih awal sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah dan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(11) Jika terma apa-apa kompromi atau perkiraan yang diluluskan di bawah seksyen ini memperuntukkan apa-apa wang atau balasan lain untuk dipegang oleh atau bagi pihak mana-mana pihak kepada kompromi atau perkiraan itu sebagai amanah bagi mana-mana orang, orang yang memegang wang atau balasan lain itu hendaklah selepas habis tempoh dua tahun tetapi sebelum habis tempoh sepuluh tahun, bermula dari tarikh wang atau balasan lain itu diterima oleh orang itu, memindahkan wang atau balasan lain itu kepada Pegawai Penerima.

(12) Pegawai Penerima hendaklah—

- (a) berurus dengan apa-apa wang yang diterima di bawah subseksyen (11) seolah-olah wang itu telah dibayar kepada Pegawai Penerima di bawah seksyen 508; dan
- (b) menjual atau melupuskan apa-apa balasan lain yang diterima di bawah subseksyen (11) mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Pegawai Penerima, dan menguruskan hasil jualan atau pelupusan itu seolah-olah hasil itu merupakan wang yang dibayar kepada Pegawai Penerima di bawah seksyen 508.

Kuasa Mahkamah untuk menyemak semula tindakan, peninggalan atau keputusan, dsb., selepas kelulusan, dsb., kompromi atau perkiraan

369d. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana syarikat atau pembiutang yang terikat dengan kompromi atau perkiraan yang telah diluluskan oleh Mahkamah di bawah subseksyen 366(4) atau subseksyen 369c(1), menjelaskan apa-apa terma kompromi atau perkiraan.

- (2) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa syarikat telah melakukan suatu tindakan atau peninggalan, atau membuat keputusan, yang mengakibatkan pelanggaran apa-apa terma kompromi atau perkiraan itu, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pembiutang yang terikat dengan kompromi atau perkiraan itu—
- (a) mengesahkan, mengakas atau mengubah suai tindakan, peninggalan atau keputusan syarikat itu; atau
 - (b) memberikan apa-apa arahan atau membuat apa-apa perintah yang difikirkan patut oleh Mahkamah untuk membetulkan tindakan, peninggalan atau keputusan syarikat itu.
- (3) Tiada penjelasan atau perintah yang dibuat, dan tiada arahan yang diberikan, oleh Mahkamah di bawah subseksyen (1) atau (2) boleh mengubah atau menjelaskan hak mana-mana orang di bawah terma kompromi atau perkiraan itu.”.

Penggantian seksyen 395

14. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 395 dengan seksyen yang berikut:

“Ketidakpakaian Subpenggal ini

- 395.** Subpenggal ini tidak terpakai bagi—
- (a) syarikat yang merupakan suatu institusi berlesen atau pengendali sistem pembayaran ditetapkan yang dikawal selia di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank Negara Malaysia;
 - (b) syarikat yang diluluskan atau didaftarkan di bawah Bahagian II, dilesenkan atau didaftarkan di bawah Bahagian III, diluluskan di bawah Bahagian IIIA atau diiktiraf di bawah Bahagian VIII Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan
 - (c) syarikat yang diluluskan di bawah Bahagian II Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.”.

Seksyen baharu 398A

15. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 398 seksyen yang berikut:

“Mendapatkan balik harta yang dicagar semasa perkiraan sukarela

398A. (1) Walau apa pun seksyen 398, pemutang bercagar boleh mengambil milikan, menjalankan apa-apa hak lain berhubung dengan, atau selainnya mendapatkan balik, harta yang dicagar semasa tempoh moratorium dalam suatu perkiraan sukarela jika—

- (a) harta yang dicagar itu tidak dikehendaki oleh syarikat untuk perkiraan sukarela itu;
- (b) moratorium itu menimbulkan risiko tinggi terhadap kewujudan harta yang dicagar itu; atau
- (c) nilai harta yang dicagar itu menurun disebabkan oleh moratorium.

(2) Pemutang bercagar hendaklah memberitahu dan mendapatkan persetujuan daripada penama sebelum mengambil milikan harta yang dicagar di bawah subseksyen (1).

(3) Bagi maksud seksyen ini, “harta yang dicagar” ertiannya apa-apa harta selain harta tak alih yang tertakluk pada gadaian atau apa-apa cagaran lain.”.

Pindaan seksyen 403

16. Seksyen 403 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;

- (b) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:
- “(b) syarikat yang diluluskan atau didaftarkan di bawah Bahagian II, dilesenkan atau didaftarkan di bawah Bahagian III, diluluskan di bawah Bahagian IIIA atau diiktiraf di bawah Bahagian VIII Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan”;
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
- “(c) syarikat yang diluluskan di bawah Bahagian II Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.”.

Penggantian seksyen 406

17. Seksyen 406 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:
- “(1) Suatu perintah pengurusan kehakiman hendaklah, melainkan jika pengurusan kehakiman itu dilepaskan, terus berkuat kuasa selama tempoh enam bulan dari tarikh perintah itu dibuat tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan pengurus kehakiman, melanjutkan tempoh itu tertakluk pada apa-apa terma sebagaimana yang dikenakan oleh Mahkamah.”;
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “Jika suatu permohonan untuk melanjutkan tempoh selama enam bulan lagi sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1) dibuat” dengan perkataan “Jika suatu permohonan dibuat untuk melanjutkan tempoh enam bulan sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1) kepada suatu tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah”.

Pindaan seksyen 411

18. Seksyen 411 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Walau apa pun perenggan (4)(d), pemutang bercagar boleh, selepas memberikan pemberitahuan kepada pengurus kehakiman, menguatkuasakan cagaran atas harta alih syarikat atau memiliki semula apa-apa barang dalam milikan syarikat di bawah mana-mana perjanjian sewa beli, perjanjian pemajakan catel atau perjanjian pemegangan hakmilik semasa perintah pengurusan kehakiman masih berkuat kuasa dengan mana-mana atau semua syarat yang berikut:

- (a) pengurus kehakiman mengesahkan bahawa barang atau harta alih itu tidak diperlukan oleh syarikat yang berada di bawah perintah pengurusan kehakiman;
- (b) perintah pengurusan kehakiman itu menimbulkan risiko tinggi terhadap kewujudan barang atau harta alih itu; atau
- (c) nilai barang atau harta alih itu menurun disebabkan oleh perintah pengurusan kehakiman itu.”.

Seksyen baharu 415A

19. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 415 seksyen yang berikut:

“Keutamaan paling tinggi bagi pembiayaan penyelamat bagi pengurusan kehakiman”

415A. (1) Jika suatu syarikat berada di bawah perintah pengurusan kehakiman, Mahkamah boleh, atas suatu permohonan oleh pengurus kehakiman syarikat itu, memberikan satu atau lebih perintah yang berikut:

- (a) suatu perintah bahawa jika syarikat itu digulungkan, walau apa pun subseksyen 527(1), hutang yang berbangkit daripada apa-apa pembiayaan penyelamat yang diperoleh oleh syarikat itu hendaklah dibayar sebaik selepas kos dan perbelanjaan penggulungan syarikat sebagaimana yang disebut dalam perenggan 527(1)(a) dibayar;

- (b) suatu perintah untuk menjamin hutang yang berbangkit daripada mana-mana pembiayaan penyelamat yang selainnya tidak berupaya diperoleh oleh syarikat itu melainkan jika hutang itu dijamin dengan—
- (i) suatu kepentingan cagaran atas harta syarikat yang tidak tertakluk pada apa-apa kepentingan cagaran; atau
 - (ii) suatu kepentingan cagaran lebih rendah atas harta syarikat yang tertakluk pada kepentingan cagaran yang sedia ada; atau
- (c) suatu perintah untuk menjamin hutang yang berbangkit daripada mana-mana pembiayaan penyelamat yang akan diperoleh oleh syarikat itu dengan suatu kepentingan cagaran yang mempunyai keutamaan yang sama dengan atau keutamaan yang lebih tinggi daripada kepentingan cagaran yang sedia ada atas harta syarikat itu, jika—
- (i) syarikat itu tidak berupaya untuk memperoleh pembiayaan penyelamat daripada mana-mana orang melainkan jika hutang yang berbangkit daripada pembiayaan penyelamat itu dijamin mengikut cara yang disebut dalam perenggan ini; dan
 - (ii) kepentingan pemegang kepentingan cagaran yang sedia ada dilindungi secukupnya.
- (2) Pengurus kehakiman yang membuat permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah menghantar suatu notis tentang permohonan itu kepada setiap pemiutang syarikat itu.
- (3) Mana-mana pemiutang syarikat boleh menentang permohonan di bawah subseksyen (1).
- (4) Pengakasan atau ubah suaian disebabkan rayuan kepada perintah di bawah perenggan (1)(b) atau (c) tidak menjelaskan kesahan apa-apa hutang yang ditanggung, atau apa-apa kepentingan cagaran yang telah diberikan menurut perintah itu, atau keutamaan kepentingan cagaran itu,

jika hutang yang berbangkit daripada pembiayaan penyelamat yang dihasratkan untuk dijamin oleh kepentingan cagaran itu telah diberikan dengan suci hati, sama ada dengan pengetahuan tentang rayuan itu atau tidak, melainkan jika perintah itu telah digantung sementara menunggu rayuan sebelum pembiayaan penyelamat diberikan.

(5) Bagi maksud subperenggan (1)(c)(ii), kepentingan pemegang kepentingan cagaran yang sedia ada dilindungi secukupnya jika—

- (a) Mahkamah memerintahkan supaya syarikat untuk membuat satu atau lebih pembayaran tunai kepada pemegang itu, yang jumlah keseluruhan amaunnya mencukupi untuk membayar pampasan kepada pemegang itu bagi apa-apa pengurangan nilai kepentingan cagaran yang sedia ada pemegang itu yang boleh berlaku akibat daripada perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(c);
- (b) Mahkamah memerintahkan supaya syarikat untuk memberikan kepada pemegang itu cagaran tambahan atau gantian dengan suatu nilai yang mencukupi untuk membayar pampasan kepada pemegang itu bagi apa-apa pengurangan nilai kepentingan cagaran yang sedia ada pemegang itu yang boleh berlaku akibat daripada perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(c); atau
- (c) Mahkamah memberikan apa-apa relif, selain pampasan, yang akan mengakibatkan penghasilan oleh pemegang itu kepentingan cagaran yang tidak diragui setara dengan kepentingan cagaran yang sedia ada pemegang itu.

(6) Jika syarikat yang mempunyai dua atau lebih hutang dengan keutamaan paling tinggi digulungkan, hutang dengan keutamaan paling tinggi—

- (a) mempunyai keutamaan yang sama kedudukan antara semua hutang dengan keutamaan paling tinggi itu; dan

- (b) hendaklah dibayar sepenuhnya atau, jika syarikat itu tidak mempunyai harta yang mencukupi untuk menyelesaikan hutang itu, hendaklah berada pada kedudukan *pari passu* dan hendaklah dibayar mengikut kadar yang sama antara semua hutang dengan keutamaan paling tinggi itu.

(7) Seksyen 426 dan 528 tidak menjaskan apa-apa keutamaan yang diberikan, apa-apa kepentingan cagaran atau relif yang diberikan, atau apa-apa pembayaran yang dibuat, menurut dan mengikut perintah yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(8) Pengurus kehakiman hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas tarikh suatu perintah diberikan di bawah subseksyen (1), menyerah simpan salinan pejabat perintah itu kepada Pendaftar.

(9) Dalam seksyen ini—

- (a) “pembentangan penyelamat” ertinya apa-apa pembentangan yang memenuhi satu atau lebih syarat yang berikut:
- (i) pembentangan itu diperlukan untuk penerusan syarikat yang memperoleh pembentangan, atau keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada pengusahaan syarikat itu sebagai suatu usaha berterusan;
 - (ii) pembentangan itu diperlukan untuk kelulusan Mahkamah di bawah subseksyen 366(4) atau subseksyen 369c(5) bagi suatu kompromi atau perkiraan yang disebut dalam subseksyen 366(1) atau subseksyen 369c(1), mengikut mana-mana yang berkenaan, yang melibatkan syarikat yang memperoleh pembentangan itu;
 - (iii) pembentangan itu diperlukan untuk mencapai penghasilan aset yang lebih menguntungkan bagi syarikat yang memperoleh pembentangan itu, berbanding dengan penggulungan syarikat itu;
- (b) “kepentingan cagaran” ertinya apa-apa gadai janji, gadaian, sandaran, lien atau jenis kepentingan cagaran lain yang diiktiraf oleh undang-undang;

- (c) “hutang dengan keutamaan paling tinggi” ertinya suatu hutang, yang berbangkit daripada apa-apa pembiayaan penyelamat yang diperoleh atau yang akan diperoleh oleh suatu syarikat, yang mempunyai keutamaan, menurut susunan di bawah subseksyen (1), ke atas semua hutang keutamaan yang dinyatakan dalam perenggan 527(1)(b) hingga (f) dan semua hutang tidak bercagar lain, jika syarikat itu digulungkan.”.

Penggal baharu 9

20. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 430 penggal yang berikut:

“Penggal 9

Perlindungan Barang dan Perkhidmatan Perlu

Perlindungan barang dan perkhidmatan perlu

430A. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), suatu klausa yang berkaitan dengan insolvensi dalam mana-mana kontrak bagi pembekalan barang dan perkhidmatan perlu hendaklah tidak boleh dilaksanakan terhadap mana-mana syarikat.

(2) Seseorang pembekal yang berhasrat untuk menjalankan haknya menurut klausa yang berkaitan dengan insolvensi dalam suatu kontrak hendaklah memaklumkan hasratnya untuk memelihara haknya di bawah klausa yang berkaitan dengan insolvensi itu kepada syarikat secara bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh hari sebelum menjalankan haknya menurut klausa yang berkaitan dengan insolvensi mengikut kontrak itu.

(3) Seksyen ini tidak menghalang pembekal daripada menjalankan haknya yang lain, termasuk hak untuk menerima bayaran bagi barang dan perkhidmatan perlu yang diberikan kepada suatu syarikat, di bawah kontrak bagi pembekalan barang dan perkhidmatan perlu itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “klausa yang berkaitan dengan insolvensi” ertinya suatu terma kontrak yang—

- (i) membenarkan penamatan automatik suatu kontrak barang dan perkhidmatan perlu atau pembekalan barang dan perkhidmatan perlu, ubah suaian hak antara pembekal dan syarikat di bawah kontrak semata-mata kerana syarikat itu menjadi tertakluk pada prosiding berhubung dengan kompromi atau perkiraan, perkiraan sukarela atau pengurusan kehakiman; atau
- (ii) membenarkan pembekal untuk menamatkan kontrak barang dan perkhidmatan perlu atau pembekalan barang dan perkhidmatan perlu, menguatkuasakan apa-apa hak atau mengubah mana-mana obligasi di bawah suatu kontrak semata-mata kerana syarikat itu menjadi tertakluk pada prosiding berhubung dengan kompromi atau perkiraan, perkiraan sukarela atau pengurusan kehakiman;

(b) “barang dan perkhidmatan perlu” ertinya barang dan perkhidmatan perlu yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan A.”.

Pindaan seksyen 433

21. Seksyen 433 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4c) subseksyen yang berikut:

“(4D) Mana-mana orang yang telah diluluskan sebagai penyelesai di bawah subseksyen 433(4) hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari kelulusan itu, memberitahu Pendaftar butir-butir yang berikut:

(a) maklumat peribadi penyelesai yang diluluskan itu;

- (b) kelulusan sebagai penyelesai yang diluluskan;
 - (c) firma penyelesai yang diluluskan, termasuk pekongsi firma dan cawangan, jika ada; dan
 - (d) apa-apa butir-butir lain yang dikehendaki oleh Pendaftar.
- (4E) Jika terdapat apa-apa perubahan kepada butir-butir yang dinyatakan dalam subseksyen (4D), penyelesai hendaklah mengemas kini maklumat itu dalam masa empat belas hari dari tarikh perubahan itu.”.

Pindaan seksyen 536

22. Perenggan 536(2)(a) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pengemukaan petisyen penggulungan terhadap syarikat” dengan perkataan “pada tarikh perintah penggulungan itu”.

Pindaan seksyen 562

23. Subseksyen 562(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (f), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan
 - (b) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:
- “(fa) maklumat pemunyaan benefisial sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 60B(1); dan”.

Pindaan seksyen 567

24. Subseksyen 567(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (f), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:

“(fa) status sama ada syarikat asing itu syarikat persendirian atau syarikat awam; atau”.

Seksyen baharu 573A

25. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 573 seksyen yang berikut:

“Pemunyaan benefisial syarikat asing

573A. Penggal 8A Bahagian II hendaklah terpakai bagi syarikat asing tertakluk pada ubah suaian yang berikut:

(a) sebutan mengenai “syarikat” hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai “syarikat asing”; dan

(b) sebutan mengenai “pegawai” hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai “ejen syarikat asing”.”.

Pindaan seksyen 576

26. Subseksyen 576(2) Akta ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (h), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (h) perenggan yang berikut:

“(ha) maklumat pemunyaan benefisial sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 60B(1);

(hb) alamat yang daftar pemunyaan benefisial syarikat itu dikehendaki untuk disimpan menurut subseksyen 60B(2), jika tidak disimpan di pejabat berdaftarnya; dan”.

Pindaan seksyen 582

27. Perenggan 582(3)(c) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan “akuan ketidaksolvenan” dengan perkataan “pengisytiharan kesolvenan”.

Seksyen baharu 612A

28. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 612 seksyen yang berikut:

“Penyiaran atau iklan dalam laman sesawang

612A. Sekiranya apa-apa maklumat dikehendaki untuk disiarkan atau diiklankan dalam suatu surat khabar di bawah Akta ini, mana-mana orang boleh, sebagai ganti kepada penyiaran atau pengiklanan maklumat itu dalam surat khabar, menyiar atau mengiklankan maklumat itu dalam laman sesawang Suruhanjaya dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar selepas pembayaran fi yang ditetapkan.”.

Pindaan seksyen 613

29. Subseksyen 613(1) Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) mana-mana orang atau golongan orang yang boleh mengakses daftar pemunyaan benefisial syarikat atau maklumat pemunyaan benefisial, cara dan terma dan syarat bagi mengakses daftar itu;”; dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(ba) apa-apa perkara yang berhubungan dengan suatu kompromi atau perkiraan, perkiraan sukarela korporat, pengurusan kehakiman, penyelesaian dan penerimaan;”.

Jadual baharu

30. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Kesembilan jadual yang berikut:

“JADUAL KESEMBILAN A

[Subseksyen 430A(4)]

JENIS BARANGAN DAN PERKHIDMATAN PERLU

1. Bekalan air
2. Bekalan elektrik
3. Bekalan gas
4. Terminal pusat jualan
5. Perisian dan perkakasan komputer
6. Maklumat, nasihat dan bantuan teknikal yang berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat
7. Pemprosesan dan penyimpanan data
8. Penganjur laman sesawang”.

Kecualian

31. Apa-apa penyiasatan, perbicaraan, prosiding atau tindakan yang belum selesai sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan mengikut peruntukan Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.